



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN MENINGKATKAN NASIONALISME DAN IDENTITI NEGARA

Hari Kebangsaan Malaysia disambut pada 31 Ogos pada setiap tahun. Hari Kebangsaan bukanlah hanya diraikan semata-mata kerana hari tersebut ialah hari cuti umum bagi seluruh negara, namun di sebalik sambutan tersebut membawa seribu makna terhadap kewujudan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Pada tahun 2023, Malaysia telah mengecap kemerdekaan selama 66 tahun, iaitu bermula dari tanggal 31 Ogos 1957, sewaktu bendera Malaysia atau *Jalur Gemilang* dinaikkan dengan bangganya menggantikan bendera Union Jack. Seterusnya, sebagai sebuah negara yang baru sahaja mencapai kemerdekaan pada ketika itu, Malaysia turut diterima sebagai ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 17 September 1957.

Kemerdekaan yang kita nikmati pada hari ini turut menuntut pelbagai pengorbanan daripada pelbagai pihak. Segenap rakyat perlu berjuang menempuh keperitan dan kesengsaraan demi menuntut kemerdekaan. Ada pihak yang berjuang dengan keberanian sehingga merisikokan nyawanya dengan mengangkat senjata. Tidak kurang juga yang menggunakan kebijaksanaan dalam penulisan untuk berjuang dengan mata pena bagi menyemarakkan nasionalisme dalam kalangan rakyat. Terdapat juga rakyat yang berkorban wang ringgit dan harta benda demi mencapai kemerdekaan. Para pemimpin pada ketika itu juga telah memainkan peranan yang penting dalam memupuk patriotisme dalam kalangan rakyat, dan seterusnya menjadi pemacu kepada perjuangan kemerdekaan negara. Maka itu, kemerdekaan yang kita nikmati selama ini wajar disambut dengan memperingati kembali segala bentuk pengorbanan dan perjuangan yang telah dilalui oleh rakyat terdahulu dengan penuh jernih perih.

Untuk meraikan Hari Kebangsaan dengan penuh bermakna, terdapat beberapa perkara penting yang

perlu diperhalusi oleh rakyat dengan sewajarnya. Tuntasnya, setiap rakyat perlu menghargai perjuangan dan pengorbanan para pahlawan dan pejuang negara terdahulu yang telah berusaha untuk memastikan negara bebas dan merdeka daripada penjajahan. Sambutan Hari Kebangsaan juga dapat memupuk nasionalisme dalam kalangan masyarakat Malaysia yang majmuk. Tidak dapat dinafikan bahawa sambutan Hari Kebangsaan mampu mengingatkan rakyat tentang identiti dan jati diri mereka sebagai warganegara Malaysia. Kesemua ini dapat memupuk rasa cinta dan bangga akan negara bangsa. Meraikan Hari Kebangsaan juga merupakan cara yang terbaik bagi menegaskan kedaulatan dan kesatuan rakyat dalam negara dengan menggariskan bahawa rakyat Malaysia berada di bawah satu negara dan satu identiti nasional yang bersatu padu.

Sambutan Hari Kebangsaan merupakan satu daripada cara yang sangat efektif untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang sejarah pembentukan Malaysia. Setiap lapisan masyarakat akan dapat memperingati peristiwa bersejarah dan seterusnya menjivai peranan para pemimpin

Sambutan Hari Kebangsaan juga akan menjadi lebih menarik dan simbolik sekiranya rakyat mengetahui beberapa fakta menarik tentang hari bersejarah ini. Antaranya termasuklah proklamasi kemerdekaan yang terjadi pada 31 Ogos 1957 di lapangan Padang Merdeka, yang kini dikenali sebagai Dataran Merdeka.

kemerdekaan. Sambutan Hari Kebangsaan boleh dijadikan sebagai platform kepada institusi pendidikan untuk menyemai nilai patriotisme dalam kalangan murid sekolah dan pelajar universiti. Melalui aktiviti pendidikan seperti pertandingan bercorak kemerdekaan, ceramah sejarah dan lawatan sambil belajar ke tempat bersejarah, dapat menimbulkan kesedaran dan kepekaan kepada golongan pelajar tentang perjuangan kemerdekaan negara.

Selain itu, sambutan Hari Kebangsaan juga secara tidak langsung dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Hal ini demikian kerana aktiviti ekonomi yang berlaku pada hari tersebut memberikan peluang perniagaan kepada pelbagai sektor, antaranya termasuklah pelancongan, peruncitan, makanan dan minuman, serta industri seni dan kraf tangan. Semasa sambutan hari tersebut, terdapat pelbagai pertunjukan seni, pameran dan acara budaya yang diadakan bagi mempromosikan keunikan seni dan budaya Malaysia. Ternyata sambutan Hari Kebangsaan berjaya menarik perhatian pengunjung dan pelancong untuk menjalankan aktiviti ekonomi di dalam negara dan seterusnya mendorong kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Di samping itu, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sambutan Hari Kebangsaan turut dijadikan sebagai wadah untuk menengahkan isu sosial dan kemanusiaan, contohnya kesedaran terhadap alam sekitar, kepekaan mengenai hak

asasi manusia dan kebajikan haiwan. Kesemua inisiatif ini akan membawa kepada pembentukan masyarakat yang mempunyai kesedaran yang meluas mengenai tanggungjawab sosial sebagai rakyat Malaysia. Secara tidak langsung, rakyat juga disuntik dengan semangat untuk terus membangunkan negara dan memastikan Malaysia maju dan kekal sebagai sebuah negara yang aman lagi berdaulat.

Sambutan Hari Kebangsaan juga akan menjadi lebih menarik dan simbolik sekiranya rakyat mengetahui beberapa fakta menarik tentang hari bersejarah ini. Antaranya termasuklah proklamasi kemerdekaan yang terjadi pada 31 Ogos 1957 di lapangan Padang Merdeka, yang kini dikenali sebagai Dataran Merdeka. Pada ketika itu, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu pertama, iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah memproklamasikan kemerdekaan daripada penjajahan British. Proklamasi tersebut menjadi peristiwa bersejarah yang dirayakan pada setiap tahun sebagai Hari Kebangsaan. Kemerdekaan negara menandakan berakhirnya penjajahan British di Tanah Melayu selama lebih daripada satu abad. Pada hari yang sama, Tanah Melayu menjadi Persekutuan Tanah Melayu dan Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad menjadi Yang di-Pertuan Agong pertama, dan menandakan permulaan Malaysia menjadi negara berdaulat.

Kemerdekaan juga bermakna Malaysia mempunyai kemandirian politik yang membolehkan negara memberikan kawalan penuh terhadap kesemua urusan tadbir urus negara dan seterusnya





mempunyai hak sepenuhnya untuk membuat keputusan politik dan penguasaan sumber daya dan hasil bumi. Semasa pengisytiharan Hari Kebangsaan telah ditetapkan bahawa Malaysia akan mengamalkan sistem Pemerintahan Beraja dan Raja-raja Melayu akan menjadi simbol kedaulatan negara. Ketua negara pula ialah Yang di-Pertuan Agong yang dipilih dalam kalangan Raja-raja Melayu untuk tempoh lantikan selama lima tahun. Sebelum Hari Kebangsaan diisytiharkan, Perlembagaan Tanah Melayu telah disusun dan digubal terlebih dahulu. Perlembagaan Tanah Melayu memperuntukkan sistem pemerintahan dan hak asasi rakyat menjadi asas terpenting dalam sistem politik negara hingga hari ini.

Perkara menarik tentang Hari Kebangsaan ialah hari tersebut juga sering dianggap sebagai simbol perpaduan Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang kaum. Hal ini demikian kerana proses mencapai kemerdekaan juga melibatkan kerjasama dan semangat muhibah daripada pelbagai kumpulan etnik seperti Melayu, Cina, India dan etnik lain di Tanah Melayu. Sudah pasti kemerdekaan tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan semangat muhibah daripada pelbagai etnik. Sehubungan dengan itu, sambutan Hari Kebangsaan telah dinobatkan sebagai hari untuk meraikan perpaduan pada peringkat nasional dan memberikan peluang kepada rakyat untuk menghargai perbezaan dan menghormati kepelbagaian agama, bangsa dan budaya. Dalam erti kata lain, semasa sambutan Hari Kebangsaan, segenap lapisan masyarakat daripada pelbagai latar belakang bergabung dan meraikan sambutan ini tanpa mengira perbezaan dengan nilai toleransi yang tinggi untuk membina rangkaian sosial yang lebih meluas.

Tuntasnya, Hari Kebangsaan Malaysia bukan sahaja peristiwa bersejarah negara, tetapi juga merupakan simbol bagi pencapaian politik, nasionalisme dan identiti kebangsaan, serta pemupukan perpaduan dan toleransi rakyat. Sambutan Hari Kebangsaan juga memberikan makna yang mendalam kepada segenap masyarakat sebagai pembakar semangat untuk terus berjuang dan berganding bahu bagi menghadapi cabaran pada masa hadapan, terutamanya dalam mencapai kemajuan dan kesejahteraan negara.

Kepentingan sambutan Hari Kebangsaan

Memupuk nilai nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaysia yang majmuk.

Menghargai perjuangan dan pengorbanan para pahlawan dan pejuang negara terdahulu.

Meningkatkan kesedaran rakyat tentang sejarah pembentukan Malaysia.

Merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Menjadi simbol perpaduan Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang kaum.

Menjadi wadah untuk menentengahkan isu sosial dan kemanusiaan.